

Surat khabar: Berita Harian/Varsiti
Hari/Tarikh: 16-22/02/2012
Muka surat: c3

Tajuk : Konvensyen politik dan patriotisme di UNIMAS

c3
VARSITI BIL 109 | 16 - 22 Februari 2012
• YAHYA ZAINUDDIN BERITA HARIAN

Konvensyen politik dan patriotisme di UNIMAS

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan mengadakan Konvensyen Kebangsaan Politik dan Patriotisme: Hala Tuju Sebenar pada 25 dan 26 Februari ini.

Konvensyen bertujuan memberi galakan dan dorongan kepada mahasiswa meningkatkan semangat cintakan negara melalui kaedah kesarjanaan selain memberikan gambaran sebenar mengenai politik negara dan kaitannya dengan patriotisme.

Bersesuaian dengan konsep Contemporary and Forward Looking, konvensyen itu diharap dapat dijadikan satu anjakan paradigma kepada mahasiswa untuk terus mematangkan pemikiran mereka.

Antara skop yang akan dibincangkan sepanjang konvensyen itu ialah konsep dan peranan mahasiswa sebagai aset negara dalam pembangunan serta kemajuan negara.

Konvensyen itu juga dijangka mengupas persoalan politik melalui perspektif undang-undang bagi memberi hala tuju politik sebenar yang tidak bercanggah dengan perlembagaan dan undang-undang negara. Persoalan patriotisme dan politik akan dikaitkan bagi membuka mata masyarakat khususnya mahasiswa terhadap dua isu berkenaan.

Konvensyen menyasarkan mahasiswa daripada seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia dan organisasi sekitar Sarawak. Penganjuran konvensyen itu ialah satu pendekatan kesarjanaan yang diambil bagi menstabilkan kembali situasi politik dan neutraliti idealisme mahasiswa berkenaan politik negara.

Secara kesimpulannya, konvensyen ini dilaksanakan sebagai satu langkah kesarjanaan mahasiswa dalam isu politik dan patriotisme.